



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan Terengganu

# INFO US\$AHAWAN

usahawan pemacu ekonomi mapan



BULETIN ADALAH HAK MILIK KEKAL MASMED UiTM CAWANGAN TERENGGANU

# KEJOHANAN TENIS BERSIRI REMAJA TERENGGANU 2023

SIRI 1: 18 - 19 FEB 2023

SIRI 2: 4 - 5 MAC 2023

SIRI 3: 27 - 28 MEI 2023

SIRI 4: 26 - 27 OGOS 2023

MASTER: 11 - 12 NOV 2023

KATEGORI BAGI LELAKI & PEREMPUAN: B8 B10 B12 B15 B18 B23



## KEJOHANAN TENIS BERSIRI: MAMPU MENJANA DUIT?

Noor Hafiza Mohammed<sup>1</sup>, Suzila Mat Salleh<sup>1</sup>, Siti Fatimah Mardiah Hamzah<sup>1</sup>, Hani Sakina Mohamad Yusof<sup>1</sup>,  
& Nor Hamiza Mohd Ghani<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Faculty of Business and Management, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, Kampus Dungun, Terengganu, Malaysia

\*Email Penulis: hafiza2054@uitm.edu.my

Ramai bertanya adakah ia memerlukan kos yang tinggi untuk menganjurkan sebuah kejohanan tenis terutama kejohanan secara bersiri. Secara asas, untuk menganjurkan sebuah kejohanan tenis, pihak penganjur wajib mempunyai asas dalam penyediaan jadual perlawanan atau *Draw* dan giliran perlawanan yang dipanggil *OOP* (Order of Play). *Draw* akan dibuat mengikut kedudukan semasa pemain atau dikenali sebagai *Ranking*. Kegagalan membuat jadual perlawanan tidak mengikut *ranking* boleh mendatangkan ketidakpuasan hati pemain.

Perkara berikut merupakan keperluan dalam sebuah kejohanan tenis:

### Gelanggang Tenis

Dalam menganjurkan sebuah kejohanan tenis, gelanggang memainkan peranan paling utama. Lebih banyak gelanggang tenis dapat disediakan oleh penganjur, lebih banyak perlawanan dapat dijalankan serentak. Biasanya penggunaan gelanggang tenis akan dikenakan bayaran. Sebagai contoh, penggunaan gelanggang tenis akan dikenakan bayaran sebanyak RM15 untuk tempoh 2 jam penggunaan. Penganjur dapat menjana duit jika gelanggang tenis dapat disediakan secara percuma dengan bantuan persatuan tenis.

### Bola Tenis

Kos bola tenis agak tinggi memandangkan sebuah kejohanan memerlukan penggunaan bola tenis yang baru. Bola tenis pula dibahagikan kepada empat warna iaitu bola merah, bola oren, bola hijau dan bola kuning. Setiap bola ini mengikut kategori pemain. Bola merah bagi pemain mini tenis bagi umur 8 tahun dan ke bawah atau *beginner*. Bola oren pulan untuk pemain mini tenis bagi umur 9 tahun dan ke bawah. Bola hijau bagi pemain 10 tahun dan ke bawah dan mula bermain suku gelanggang tenis. Akhir sekali, bola kuning adalah untuk pemain tenis gelanggang penuh. Harga bola tenis adalah antara RM15 hingga RM25 setin untuk 3 biji bola.

### Umpire

Dalam sebuah kejohanan tenis, pemain akan mengira sendiri mata perlawanan kecuali bagi pemain mini tenis bawah 8, bawah 9 dan bawah 10. *Umpire* atau pengadil diperlukan bagi mengira mata perlawanan bagi pemain tenis cilik ini. Biasanya umpire akan diberi upah mengikut level umpire itu sendiri.

### Yuran Kejohanan

Kebanyakan kejohanan tenis bersiri yang diadakan di Malaysia khas untuk remaja 18 tahun dan ke bawah. Yuran yang dikenakan bermula dari RM20 hingga RM50. Bagi kejohanan peringkat kebangsaan iaitu LTAM (Lawn Tennis Association Malaysia), yuran yang dikenakan adalah RM60. Kebanyakan kejohanan tenis bersiri hanya menyediakan hadiah berupa medal kemenangan dan sijil kemenangan. Di sinilah pihak penganjur dapat menjana duit bila mempunyai penyertaan yang ramai sehingga 100 orang pemain bagi setiap kejohanan yang telah dianjurkan.

### Personal Branding

Penganjuran kejohanan tenis bersiri juga mampu membantu sebuah kejohanan memperkenalkan *personal branding* kejohanan tenis berkenaan. Sebagai contoh, Kejohanan tenis bersiri remaja Terengganu mampu menjana duit dengan penjualan t-shirt kejohanan selain menerima t-shirt tajaan dari penganjur utama iaitu Manis.fm.



### Sponsorship

Sebuah kejohanan dapat menjana duit jika berjaya mendapat sponsor berupa wang atau hadiah. Ini adalah bonus kepada sebuah kejohanan tenis terutama kejohanan tenis bersiri.

Akhir kata, kejohanan tenis mungkin tidak seramai kejohanan badminton atau sukan-sukan lain, tetapi sukan ini memang eksklusif terutama ibu bapa, penjaga, jurulatih pemain akan turut serta di setiap kejohanan yang dianjurkan.